

# Malaysia tidak gentar ugutan AS

UM 29 OCT 2003  
Oleh ASUKI ABAS  
dan ROZILAN SALLEH

PUTRAJAYA 28 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak gentar dengan ugutan Senat Amerika Syarikat (AS) untuk mensyaratkan pemberian bantuan ketenteraan berjumlah AS\$1.2 juta (RM4.56 juta) ekoran kenyataannya berhubung kaum Yahudi.

Perdana Menteri berkata, negara ini sebenarnya tidak memerlukan langsung bantuan ketenteraan daripada AS manakala wang itu dapat diperolehi dengan mudah daripada sumber dalam negara.

“Kami tidak bimbang, mereka pernah membuat perkara yang sama sebelum ini (lagipun) kami tidak memerlukan latihan daripada mereka pun.

“Kami sebenarnya tidak perlukan pun wang itu, satu juta dolar, kami boleh cari satu juta dolar itu di sini sahaja,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani surat hasrat di antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) dan MV Agusta Motor spA di pejabatnya, di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan bahawa Senat AS mahu meletakkan syarat terhadap bantuan latihan ketenteraan berjumlah RM4.56 juta kepada Malaysia sebagai tanda kurang senang mereka terhadap kritikan yang dibuat oleh Dr. Mahathir mengenai kaum Yahudi.

Senat AS dikatakan sebulat suara bersetuju untuk meletakkan syarat supaya Malaysia dipastikan menyokong kebebasan beragama termasuk agama Yahudi.

Dr. Mahathir berkata, ugutan kali ini tidak mengejutkan kerana AS pernah menyekat bantuan yang sama sebelum ini.

“Sebelum ini pun mereka pernah memotong bantuan sejuta dolar itu,” tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, tindakan Se-

nat itu menunjukkan kenyataannya bahawa Yahudi menguasai dunia melalui proksi adalah benar.

“Apa yang nyata ialah mereka amat terganggu dengan apa yang saya kata mengenai Yahudi.

“Itu reaksi mereka, jadi apa yang saya kata adalah benar,” ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir dengan sinis berkata, ketetapan Senat supaya Setiausaha Negara, Colin Powell memastikan kebebasan beragama di Malaysia menunjukkan bahawa negara itu mahu mengarahkan semua perkara di dunia ini.

“Mereka mahu menentukan perjalanan dunia ini, kita semua diarah oleh Senat AS.

“Tidak ada guna kita buat pilihan raya kita sendiri, lebih baik kita mengundi dalam pilihan raya AS.

“Sekurang-kurangnya kita boleh pastikan kita dapat wakil rakyat yang betul,” ujar Dr. Mahathir dengan nada menyindir.